



# SOP LAWATAN KE LUAR NEGARA OLEH DELEGASI MALAYSIA (PKP)

## SEBELUM LAWATAN

### Perkara yang perlu dilaksanakan

- ✓ Lawatan ke luar negara bagi tugas rasmi dan tujuan perniagaan yang dibenarkan adalah pada peringkat Timbalan Menteri dan ke atas serta pemimpin perniagaan kategori *C-Suite* dan ke atas.
- ✓ Mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri sebelum melakukan lawatan kerja rasmi termasuk mendapatkan ulasan daripada Kementerian Kesihatan (KKM) bagi tujuan penetapan tempoh kuarantin wajib. Bagi lawatan perniagaan, verifikasi perlulah diperolehi daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).
- ✓ Mendapatkan kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).
- ✓ Meminimumkan jumlah delegasi yang akan terlibat dalam lawatan ke luar negara. Bagi lawatan perniagaan, jumlah delegasi yang dibenarkan adalah terhad kepada dua (2) orang pegawai pengiring sahaja.
- ✓ Memaklumkan kepada Kementerian Luar Negeri mengenai perancangan lawatan. Bagi lawatan perniagaan pula, perancangan urusan perniagaan perlulah dimaklumkan kepada MITI (melalui MIDA).
- ✓ Melaksanakan ujian saringan COVID-19 berdasarkan ketetapan prosedur kesihatan yang digariskan oleh negara yang dilawati.
- ✓ Membuat perancangan program lawatan yang mematuhi SOP.
- ✓ Lawatan perlu mengikut jadual program yang terkawal (*controlled itinerary*).

## Penerangan Aktiviti Sebelum Lawatan

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Lawatan ke luar negara bagi tugas rasmi dan tujuan perniagaan yang dibenarkan adalah pada peringkat Timbalan Menteri dan ke atas serta pemimpin perniagaan kategori <i>C-Suite</i> dan ke atas.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya lawatan rasmi/ kerja / khas yang diketuai oleh Timbalan Menteri dan ke atas dibenarkan bagi lawatan ke luar negara yang mempunyai kepentingan negara.</li> <li>• Bagi tujuan perniagaan, hanya lawatan perniagaan yang diketuai oleh <i>C-Suite</i> atau yang setaraf dan ke atas sahaja dibenarkan ke luar negara.</li> <li>• Suami/ isteri/ ahli keluarga tidak dibenarkan mengikut delegasi.</li> </ul>
2. Mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri sebelum melakukan lawatan kerja rasmi. Ulasan daripada Kementerian Kesihatan juga adalah diwajibkan. Bagi lawatan perniagaan, verifikasi perlulah diperolehi daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kementerian atau agensi yang menjadi peneraju kepada lawatan berkenaan perlu mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri sebelum lawatan dilakukan. Semua Memorandum Jemaah Menteri berhubung lawatan ke luar negara diwajibkan untuk mendapatkan ulasan daripada KKM bagi tujuan penetapan tempoh kuarantin wajib dan kelonggaran untuk menjalani kuarantin di rumah kediaman.</li> <li>• Bagi pemimpin-pemimpin perniagaan, lawatan berkenaan perlu mendapatkan verifikasi daripada MITI (melalui MIDA) sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh lawatan untuk memastikan lawatan yang akan dilakukan adalah hanya bagi tujuan perniagaan. Begitu juga, penetapan tempoh kuarantin dan kelonggaran untuk menjalani kuarantin di rumah kediaman perlu dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan.</li> </ul>
3. Memaklumkan kepada Kementerian Luar Negeri (KLN) mengenai perancangan lawatan rasmi. Bagi lawatan perniagaan pula, perancangan urusan perniagaan perlulah dimaklumkan kepada MITI (melalui MIDA) dan juga kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi yang terlibat hendaklah memaklumkan perancangan lawatan rasmi/kerja/khas ke luar negara kepada KLN sekurang-kurangnya 30 hari.</li> <li>• Surat verifikasi daripada MIDA perlu disertakan untuk memohon kelulusan ke luar negara dari JIM.</li> </ul>



# SOP LAWATAN KE LUAR NEGARA OLEH DELEGASI MALAYSIA (PKP)

## SEBELUM LAWATAN

### Aktiviti yang tidak dibenarkan

- ✓ Anggota delegasi yang mempunyai sebarang gejala jangkitan COVID-19 sebelum ke negara yang dilawati tidak dibenarkan untuk menyertai lawatan.
- ✓ Jumlah delegasi yang besar dan melebihi bilangan yang ditetapkan oleh negara yang dilawati.
- ✓ Membawa suami/ isteri/ ahli keluarga mengiringi/ mengikuti delegasi.
- ✓ Tidak memaklumkan perancangan program lawatan kepada KLN bagi lawatan rasmi dan MITI (melalui MIDA) bagi lawatan perniagaan.

### Arahan Tetap

- ✓ Peraturan 15 P.U. (A) 21/2021, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- ✓ Arahan semasa selaras dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- ✓ Peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ✓ Konvensyen Vienna untuk Hubungan Diplomatik 1961 Artikel 41(1).

## Penerangan Aktiviti Sebelum Lawatan

Tindakan	Penerangan Ringkas
4. Meminimumkan jumlah delegasi yang akan terlibat dalam lawatan ke luar negara. Bagi lawatan perniagaan, jumlah delegasi yang dibenarkan adalah terhad kepada dua (2) orang pegawai pengiring sahaja.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi yang terlibat perlu meminimumkan jumlah delegasi yang akan terlibat dalam lawatan berdasarkan keperluan semasa.</li> <li>• Bagi lawatan perniagaan, jumlah delegasi yang dibenarkan adalah terhad kepada dua (2) orang pegawai pengiring daripada syarikat tersebut.</li> </ul>
5. Melaksanakan ujian saringan COVID-19 berdasarkan ketetapan prosedur kesihatan yang digariskan oleh negara yang dilawati.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya anggota delegasi yang disahkan negatif dan tidak menunjukkan sebarang gejala jangkitan COVID-19 sahaja dibenarkan untuk turut serta dalam lawatan ke luar negara.</li> </ul>
6. Membuat perancangan program lawatan yang mematuhi SOP.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancangan program lawatan mesti tidak melibatkan tempat awam atau perjumpaan dengan orang awam.</li> </ul>
7. Lawatan perlu mengikut jadual program yang terkawal ( <i>controlled itinerary</i> ).	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jadual program lawatan mestilah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak sebelum lawatan bermula.</li> </ul>



# SOP LAWATAN KE LUAR NEGARA OLEH DELEGASI MALAYSIA (PKP)

## SEMASA LAWATAN

### Aktiviti yang dibenarkan

- ✓ Mematuhi SOP yang dikuatkuasakan oleh negara yang dilawati.
- ✓ Mewajibkan pemakaian pelitup muka dan penggunaan *hand sanitizer* kepada semua delegasi.
- ✓ Mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang pertemuan/ mesyuarat/ aktiviti lawatan.

### Aktiviti yang tidak dibenarkan

- ✓ Tidak mematuhi arahan dan SOP yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa di negara yang dilawati.
- ✓ Perhimpunan tanpa penjarakan fizikal.
- ✓ Melakukan aktiviti di luar program yang ditetapkan kecuali bagi kes-kes kecemasan.

### Arahan Tetap

- ✓ Peraturan 15 P.U. (A) 21/2021, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- ✓ Mematuhi undang-undang/ peraturan/ arahan/ SOP yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa di negara yang dilawati.
- ✓ Konvensyen Vienna untuk Hubungan Diplomatik 1961 Artikel 41(1).

## Penerangan Aktiviti Semasa Lawatan

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Mematuhi SOP yang dikenakan oleh negara yang dilawati.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap anggota delegasi hendaklah sentiasa mematuhi arahan dan SOP yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa negara yang dilawati.</li> <li>• Memaklumkan pihak urusetia/ berkuasa negara yang dilawati sekiranya mengalami sebarang gejala jangkitan COVID-19 semasa tempoh lawatan bagi mendapatkan rawatan, tertakluk kepada SOP negara yang tersebut.</li> </ul>
2. Mewajibkan pemakaian pelitup muka dan penggunaan <i>hand sanitizer</i> kepada semua delegasi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesemua anggota delegasi wajib memakai pelitup muka sepanjang lawatan berlangsung, khususnya di tempat tumpuan ramai atau apabila penjarakan fizikal satu (1) meter sukar untuk dikekalkan.</li> <li>• Anggota delegasi digalakkan untuk kerap mencuci tangan dengan air dan sabun serta menggunakan <i>hand sanitizer</i> secara kerap.</li> <li>• Agensi/ Syarikat berkaitan perlu menyediakan pelitup muka dan <i>hand sanitizer</i> sepanjang lawatan.</li> </ul>
3. Mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang pertemuan/ mesyuarat/ aktiviti lawatan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap anggota delegasi hendaklah mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang lawatan dan mengelakkan berada di kawasan tumpuan.</li> <li>• Kesemua anggota delegasi perlu: <ul style="list-style-type: none"> <li>• mengelakkan kawasan yang sesak dan sempit;</li> <li>• mengelakkan bercakap dalam jarak yang dekat;</li> <li>• mengelakkan bersalaman/ bersentuhan;</li> <li>• mengamalkan etika batuk dan bersin pada setiap masa; dan</li> <li>• mendapatkan rawatan sekiranya bergejala.</li> </ul> </li> </ul>



# SOP LAWATAN KE LUAR NEGARA OLEH DELEGASI MALAYSIA (PKP)

## SELEPAS LAWATAN

### Aktiviti yang diwajibkan

- ✓ Menjalani ujian RT-PCR COVID-19 3 hari / (72 jam) sebelum ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Malaysia.
- ✓ Bagi lawatan rasmi, anggota delegasi perlu menjalani kuarantin mengikut tempoh kuarantin yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan di dalam ulasan Memorandum Jemaah Menteri.
- ✓ Bagi lawatan perniagaan, tempoh kuarantin adalah seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

### Aktiviti yang tidak dibenarkan

- ✓ Melanggar arahan/ peraturan pihak berkuasa termasuk perintah kuarantin.

### Arahan Tetap

- ✓ Peraturan 15 P.U. (A) 21/2021, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- ✓ Arahan semasa selaras dengan KKM dan MKN.
- ✓ Peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ✓ Konvensyen Vienna untuk Hubungan Diplomatik 1961 Artikel 41(1).

## Penerangan Aktiviti Selepas Lawatan

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Menjalani ujian RT-PCR COVID-19 3 hari / (72 jam) sebelum ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Malaysia.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) dalam negara, anggota delegasi perlu melalui saringan demam dan gejala. Sekiranya dikesan bergejala, mereka perlu menjalani prosedur kesihatan sedia ada yang telah ditetapkan oleh KKM.</li> <li>• Sekiranya terdapat permohonan untuk pulang ke Malaysia secara berasingan dari anggota delegasi, agensi peneraju/ syarikat perlu memaklumkan KLN/ KKM/ MITI (melalui MIDA), dan anggota tersebut adalah tertakluk kepada pelaksanaan ujian RT-PCR COVID-19 3 hari / (72 jam) sebelum ketibaan di PMA Malaysia.</li> </ul>
2. Menjalani tempoh kuarantin wajib yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia selepas ketibaan di PMA Malaysia. Bagi lawatan perniagaan, tempoh kuarantin adalah seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggota delegasi yang telah disahkan negatif seterusnya diwajibkan untuk menjalani tempoh kuarantin wajib yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan di lokasi yang diluluskan oleh KKM.</li> <li>• Sekiranya rumah kediaman bersesuaian dan memenuhi kriteria, kelonggaran boleh diberi untuk menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah kediaman masing-masing.</li> <li>• Setiap anggota delegasi perlu menjalani ujian ulangan RT-PCR COVID-19 pada penghujung tempoh kuarantin. Sekiranya keputusan ujian adalah negatif, anggota delegasi tersebut boleh diberi pelepasan dari menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian. Sekiranya didapati positif, anggota delegasi terbabit akan segera dirujuk untuk menerima rawatan selanjutnya di hospital KKM yang berhampiran.</li> </ul>